

Dron multifungsi sektor pertanian

Dron itu mempunyai tangki berkapasiti 30 liter dengan kelajuan semburan air maksimum 10 liter per minut

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN
NIK MIN

PEKAN

Kumpulan penyelidik dari Pusat Reka Bentuk dan Inovasi Teknologi (PRInT) Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya menghasilkan dron multifungsi menggunakan kepakaran tempatan bagi memperluaskan inovasi dan penggunaan teknologi baharu dalam meningkatkan produktiviti sektor pertanian.

Ketua Penyelidik, Ir Dr Noor Zaihah Jamal berkata, dron yang disesuaikan untuk sektor pertanian itu mempunyai tangki berkapasiti 30 liter dengan kelajuan semburan air maksimum 10 liter per minut.

Menurutnya, kecekapan semburan melalui dron itu mampu mencapai kawasan seluas 0.4 ekar per minut.

“Alat ini dapat dikawal pada jarak jauh dengan ketinggian 30 meter, manakala kelajuan maksi-



Abdul Aziz (dua dari kanan) meninjau proses ujilari dron multifungsi teknologi baharu sektor pertanian yang dihasilkan penyelidik UMP di kawasan sawah padi Kampung Serandu pada Sabtu lalu.

mum 10 meter per saat.

“Bagi kawalan penerbangan, ia menggunakan alat kawalan dan pegasan GPS,” katanya.

Beliau yang juga pensyarah di Kolej Kejuruteraan berkata, dron multifungsi itu menggunakan bateri dengan kapasiti 4,000 mAh dan kelajuan motor 5,000 rpm.

Sesi ujilari dron yang dinamakan Rajawali itu diadakan di kawasan sawah padi sekitar Kampung Serandu di sini, Sabtu lalu.

Ujilari itu dilakukan bagi melihat teknologi dron multifungsi itu berfungsi untuk aktiviti pe-

nyemburan baja dan racun untuk dalam aktiviti pertanian.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman dan Pengarah Kanan Pusat Pengurusan Penyelidikan, Profesor Dr Mohd Hasbi Ab Rahim.

Bagi Ketua Kampung Serandu, Mohd Khairuddin Zakaria, 56, pemilihan Kampung Serandu untuk ujilari dron hasil para penyelidik UMP itu diharap dapat membantu membawa jelaung padi Kampung Serandu lebih ke hadapan, selain meningkatkan ekonomi penduduk.